




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
12 SEPTEMBER 2024





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	12 September 2024
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	1 & 3

Generasi Z tidak tahan tekanan kerja

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@media mulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 64 peratus daripada tujuh juta pekerja Generasi Z (Gen Z) tidak mam-

pu menghadapi tekanan bekerja sehingga mengalami keletihan melampau (*burnout*) sekali gus menyebabkan golongan tersebut sering bertukar tempat kerja.

Situasi itu secara tidak lang-

sung menyebabkan banyak sektor pekerjaan kekurangan tenaga kerja, sekali gus mencegatkan kelembapan industri.

Bersambung di muka 3

Generasi Z tidak tahan tekanan kerja

Dari muka 1

Pakar Psikologi, Prof. Datin Dr. Mariani Md. Nor berkata, sifat tiada daya saing menjadi antara faktor utama mengapa golongan tersebut mudah mengalami keletihan melampau dan akhirnya memilih untuk menutup ruang kepada pencapaian yang lebih baik.

"Gen Z perlu berdaya saing dan mempunyai daya ketahanan yang kuat agar dapat menghadapi cabaran sebenar dunia luar.

"Burnout" atau keletihan melampau itu memang akan dirasai semua orang, cumanya pada kadar yang boleh diatasi atau tidak bergantung kepada individu terlibat.

"Golongan muda ketika ini paling mudah untuk adaptasi dengan kecanggihan teknologi semasa, sepatutnya mereka gunakan kemudahan itu untuk bekerja secara lebih berhemah jika mahu dibandingkan dengan zaman dahulu yang semuanya perlu dilakukan sendiri.

"Jika Gen Z mempunyai daya ketahanan yang tinggi, ia secara tidak langsung akan melatih mereka mengenai kemahiran berfikir dengan segala rasional," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut laporan *Business Insider* 2023, pekerja Gen Z akan

“

Sikap segelintir ibu bapa yang mungkin terlalu memanjakan anak-anak mereka boleh menjadi punca kepada golongan muda hari ini bersikap cepat melatah apabila ditegur dan tidak tahan tekanan."

DR. MARIANI MD. NOR

menukar kerjaya sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang fasa pekerjaan dan hampir dua pertiga akan meninggalkan majikan semasa dalam tempoh dua tahun akan datang.

Namun, menurut *Laporan Wellness at Work* 2024, generasi Milenial adalah generasi paling teruk terjejas dengan 69 peratus mengalami keletihan, diikuti Gen Z pada 64 peratus.

Golongan Gen Z adalah mereka yang dilahirkan antara Januari 1995 dan Disember

2003, manakala Milenial adalah kumpulan yang lahir antara Januari 1983 dan Disember 1994.

Tambah Dr. Mariani, Gen Z yang tidak mempunyai daya tahan yang kuat dalam fizikal dan mental akan menyebabkan mereka sering bertukar tempat bekerja.

Katanya, memang tidak dapat dinafikan faktor gaji mempengaruhi pemilihan sesuatu bidang pekerjaan itu, namun masih ada yang bertukar tempat kerja kerana tidak mampu berdepan dengan tekanan kerja yang dihadapi.

Katanya, golongan tersebut akan berterusan menghadapi keletihan melampau jika tidak mengatasinya dari awal.

"Selagi tidak diatasi, tidak kira ke mana sahaja mereka bekerja, pasti akan mengalami masalah yang sama (*burnout*). Maka, adalah penting untuk mencari jalan penyelesaian kepada tekanan yang dihadapi selain memerlukan sistem sokongan yang baik daripada keluarga dan rakan-rakan," katanya.

Mengenai dakwaan Gen Z bersikap 'manja' dan tidak boleh ditegur ketika bekerja, beliau berkata, keperibadian selalunya bermula dengan didikan ibu bapa dan pengaruh keadaan sekeliling.

"Sikap segelintir ibu bapa yang mungkin terlalu memanjakan anak-anak mereka boleh menjadi punca kepada golongan muda hari ini bersikap cepat melatah apabila ditegur dan tidak tahan tekanan.

"Jadi, kita tidak boleh simpulkan mana-mana generasi bersikap manja atau sebagaianya kerana ia bergantung kepada cara didikan dan pengaruh sekitar," ujarnya.

Dalam pada itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerly Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani berkata, Gen Z membesar dengan pelbagai pilihan, terutamanya teknologi yang membolehkan mereka akses kepada banyak maklumat.

Menurutnya, golongan itu lebih mudah menghadapi tekanan sekiranya bekerja di tempat yang tidak memenuhi keperluan mereka.

"Gen Z sering berdepan dengan tekanan akibat tuntutan kerja yang tinggi, ekspektasi untuk mengimbangi kehidupan dan kerja, kekurangan pengalaman serta ketidakpastian ekonomi.

"Persekutuan kerja yang berdaya saing, budaya kerja yang tidak fleksibel dan kurangnya peluang perkembangan turut menjadi faktor penyumbang kepada tekanan ini," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	12 September 2024
Ruang	Forum
Muka Surat	19

Forum

Malaysia sedia hadapi cabaran perubahan buruh

SAUDARA PENGARANG.

UMUM mengetahui, dunia kini berada dalam era pasca normal yang mana menggambarkan keadaan transisi atau perpindahan zaman yang penuh ketidakpastian serta sukar diduga.

Dalam hal ini, generasi muda perlu menerokai ilmu baharu yang berimpak dan bernilai tinggi dengan tidak hanya pakar dalam sesuatu bidang, namun mengetahui atau mahir berkenaan dengan asas dalam pelbagai skop yang berbeza.

Justeru itu, amatlah penting untuk menyediakan keperluan latihan yang berfokus, cekap dan berkesan dalam pasaran buruh negara. Perkara ini cukup penting agar Malaysia dapat meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa serta merapatkan jurang kemahiran terutamanya dalam sektor digital.

Pembangunan modal insan yang holistik akan menjadikan seseorang itu lengkap dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak antara industri, akademik dan individu penting dalam merealisasikan hal ini.

Bagi menjayakan hal ini, seramai 380,000 peserta mengikuti Minggu Latihan Kebangsaan (NTW). Pembelajaran sepanjang hayat menjadi objektif utama penganjuran program ini dengan menawarkan lebih 65,000 kursus percuma kepada semua rakyat Malaysia.

Melalui NTW juga, kerajaan komited memperkasakan rakyat melalui pelbagai inisiatif latihan yang menyeluruh, membolehkan mereka memainkan peranan aktif dalam memajukan pertumbuhan dan kesejahteraan negara, melangkui peranan sebagai peserta semata-mata.

Malaysia kini dikenali sebagai destinasi industri semikonduktor global yang juga memberi nilai tambah dan berperanan




Pembangunan modal insan yang holistik akan menjadikan seseorang individu itu lengkap dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa."

penting dalam membangun sekali gus memacu ekonomi negara. Industri ini memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Oleh yang demikian, sektor ini membantu membangunkan bakat tempatan melalui pelbagai program pendidikan dan latihan yang disokong oleh pihak kerajaan serta industri.

Sehubungan itu, usaha kerajaan untuk melengkapkan rakyat dengan ilmu dan kemahiran kerja untuk masa hadapan perlu mendapat kerjasama kedua-dua pihak, iaitu industri dan individu.

Kesinambungan pembangunan bakat ini pula perlu dipadankan dengan peluang pekerjaan yang inklusif kepada peserta rakyat Malaysia. Dengan ini, negara akan sentiasa bersedia dalam menghadapi perubahan permintaan buruh pada setiap masa. Di samping itu, negara juga sentiasa dapat melahirkan ramai buruh atau tenaga kerja berkualiti yang kompeten, cekap dan produktif bukan setakat di peringkat Malaysia tetapi juga di persada antarabangsa. Ini sekali gus akan memacu ekonomi Malaysia pada tahap lebih baik pada masa akan hadapan.

ARIFF NAJMI
Kolej Yayasan UEM (KYUEM)



KERAJAAN komited memperkasakan rakyat melalui pelbagai inisiatif latihan yang menyeluruh melalui Minggu Latihan Kebangsaan (NTW).



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Sinar Harian
Tarikh	12 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	19



TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN



NASIONAL

19

KHAMIS 12 SEPTEMBER 2024 • SINAR HARIAN

NUTP mohon diwujudkan kuota NLAC

Harap pembaharuan sektor awam tidak mengurangkan manfaat dalam profesi penguruan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) memohon kerajaan mewujudkan kuota ang-

gota tetap daripada persatuan itu ke dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Setiausaha agung NUTP, Fouzi Singon berkata, NLAC adalah badan yang ditubuhkan kerajaan bagi membolehkan Menteri Sumber Manusia mendapat nasihat, pandangan atau persetujuan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan per-

buruhan dan sumber manusia di negara ini.

Katanya, pada masa sama, NUTP mengharapkan pembaharuan dalam perkhidmatan awam tidak mengurangkan manfaat sedia ada dalam profesi penguruan khasnya laluan kenaikan pangkat secara "time-based" guru.

"Selain itu, kami mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Madani khasnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas pengumuman pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada penjawat awam kumpulan pelaksana serta kumpulan pengurusan dan profesional.

"Hal ini membuktikan kerajaan Madani sangat prihatin terhadap isu-isu berkaitan kos sara hidup dihadapi penjawat awam," ujarnya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Fouzi berkata, pihaknya turut teruja dan berterima kasih kepada Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong kerana memilih



Steven Sim (duduk, tengah) bergambar bersama anggota NUTP ketika membuat lawatan ke ibu pejabat NUTP baru-baru ini.

NUTP dalam rangka kerjanya bertemu pemimpin kesatuan sekerja.

Jelasnya, kunjungan itu menunjukkan kesungguhan dan komitmen Steven untuk mengangkat martabat pekerja di Malaysia seperti disebut be-

liau ketika sidang akhbar pertama setelah menggalas tugas sebagai Menteri Sumber Manusia.

"Bagi kami di NUTP, kunjungan ini merupakan satu penghormatan serta pemangkin untuk kerjasama yang lebih erat

antara kesatuan sekerja dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

"Bersesuaian dengan misi strategik 3K KESUMA iaitu memperkasakan kebijakan, kemahiran dan keberhasilan pekerja," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	12 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	5



GISBH sangkal eksplorasi kanak-kanak jadi pekerja

Kuala Lumpur: GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) petang semalam, tampil menafikan dakwaan syarikat itu terbabit dalam eksplorasi kanak-kanak sebagai pekerja.

Dalam kenyataannya, GISBH berkata, syarikat itu menafi sejagat tuduhan dilemparkan kepada mereka, sambil menegaskan ia tidak akan berkompromi de-

ngan sebarang aktiviti melanggar undang-undang, khususnya membabitkan kanak-kanak sebagai pekerja.

"Ibu tersebut merupakan satu prasangka, fitnah dan berniat jahat untuk mewujudkan persepsi negatif terhadap GISBH.

"Pendirian kami amat jelas untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan mendukung

aspirasi kerajaan dalam membangunkan negara.

"Kami bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak berwajib bagi menyelesaikan isu ini," katanya dalam kenyataan lima perenggan dikeluaran kira-kira jam 7 malam tadi.

GISBH dipalit kontroversi selepas 20 premis yang dikaitkan dengan syarikat itu sebagai pu-

sat jagaan dan rumah amal kendaliannya diserbu polis awal pagi semalam.

Dalam serbuan terbabit, polis menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja berusia satu hingga 17 tahun, selain menahan 171 individu yang mengendalikan premis yang diserbu itu untuk siasatan lanjut.

GISBH berkata, pihak berdoa

agar segala fitnah, tohmann, buruk sangka dan kebencian terhadap syarikat itu dapat dinuktahkan.

"Mudah-mudahan kita semua dapat hidup berkasil sayang, bertolak ansur dan saling membantu dalam membina masyarakat Madani seperti dicita-citakan oleh pimpinan negara yang tercinta ini," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	12 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	13



PERKESO patut ikut pendekatan syarikat insurans

Zaki,
Nilai

Negara dikejutkan dengan pendedahan kartel membatikan kewujudan 'laluan khas' untuk pendatang asing didakwa membatikan anggota

sebuah jabatan awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Selain itu, kejayaan terbaru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membongkar kartel tuntutan palsu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membawa penahanan reman 36 individu, menjadi langkah signifikan dalam memerangi rasuah.

Tahniah diucapkan kepada SPRM atas usaha cemerlang ini. Saya yakin usaha murni untuk membebaskan negara daripada gejala rasuah disokong PERKESO sendiri.

PERKESO juga berperanan kritikal dalam memastikan integriti dan keadilan dalam sistem mereka. Semoga tindakan tegas seperti ini dapat menjadi contoh dan memacu perubahan positif dalam usaha membansmi rasuah di negara ini.

Sebagai rakyat biasa, kita mungkin tertanya-tanya bagaimakah modus operandi individu dan 'orang tengah' yang membuat tuntutan palsu.

Secara prinsip, PERKESO perlu diberikan ruang sepenuhnya untuk menyiasat integriti maklumat dikemukakan penuntut tanpa sebarang tekanan, sama ada daripada pihak dalaman atau luaran.

Langkah ini adalah penting untuk memastikan integriti dana bantuan diuruskan PERKESO

kekal terpelihara dengan adil dan telus.

PERKESO juga perlu mengutamakan dana berkenaan kerana ia hasil usaha pencarum lain, selain pencarum mengalami masalah kesihatan dan kemalangan.

Urus dana dengan adil, saksama

Kita berharap pendekatan pengurusan teliti seperti diterapan dalam syarikat insurans swasta, perlu diguna pakai dalam PERKESO. Tujuan utamanya bukanlah untuk menyusahkan pencarum, tetapi memastikan pengurusan dana bantuan dilakukan dengan adil dan saksama.

Kerjasama baik daripada pencarum PERKESO yang membuat tuntutan juga penting untuk me-

mastikan proses diuruskan sebaik mungkin. Pencarum perlu sentiasa jujur dalam menyediakan segala bukti tuntutan dan mematuhi prosedur serta garis masa ditetapkan PERKESO.

Bukti dokumentari dikemukakan hendaklah teratur dan dalam keadaan sempurna, supaya penelitian dan semakan dapat dilakukan dengan baik, tepat dan teliti.

Saya yakin PERKESO akan mengendalikan semua tuntutan dikemukakan secara wajar dan teratur tanpa mengakirirkan mana-mana pencarum.

Kenyataan terkini oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM untuk membangkrapkan penjenayah rasuah memerlukan sokongan dan dukungan daripada semua lapisan masyarakat.

Kesan negatif penjenayah ini tidak terhad kepada individu atau organisasi tertentu, tetapi impak kepada keseluruhan struktur apa-apa organisasi negara.

Dana bantuan sepatutnya diperuntukkan kepada golongan memerlukan perlu diuruskan dengan penuh ketelitian dan integriti. Ketulusan dalam pengurusan dana adalah penting untuk mencegah sebarang bentuk ketirisan dan memastikan proses berkenaan kekal berkesan.

Mariilah kita bersatu membebaskan tanah air tercinta daripada segala bentuk penjenayah, termasuk rasuah demi memastikan kejayaan dinikmati hari ini dapat diwariskan dengan penuh bangga kepada generasi akan datang.



Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my